

08 OCT 1997

MAHATHIR RASMI PUSAT LATIHAN TEKNIKAL SABTU INI

KUALA TERENGGANU, 8 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Pusat Latihan Lanjutan Teknikal Terengganu (TATI) di Kemaman dalam rangka lawatan sehari ke Terengganu Sabtu ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sains, Teknologi dan Sumber Manusia Negeri, Datuk Dr Latif Awang hari ini berkata projek itu mempunyai kaitan rapat dengan Dr Mahathir kerana beliau juga telah meletak batu asasnya pada 1994.

Pusat latihan itu merupakan hasil kerjasama kerajaan negeri, kerajaan persekutuan dan pihak swasta, katanya.

Kumpulan pertama 30 pelajarnya dalam bidang teknologi maklumat, mekanik dan reka bentuk telah dikeluarkan.

Dr Latif memberitahu pemberita di sini hari ini bahawa semasa lawatan itu Perdana Menteri juga dijadualkan bertemu dengan Jawatankuasa Perhubungan UMNO Negeri di Awana Kijal, Kemaman.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijangka tiba di Lapangan Terbang Sultan Mahmud dekat sini pukul 9.30 dan terus ke Kemaman untuk perasmian TATI.

Mereka dijadualkan pulang ke Kuala Lumpur dari Lapangan Terbang Kertih pada sebelah petangnya. -- BERNAMA

IB NMO